

# Apa itu USB Killer?

**U**SB Killer atau lebih dikenali sebagai USB Kill 2.0 merupakan pemacu storan USB yang akan merosakkan apa sahaja komponen fizikal bagi peranti sesebuah perkakasan atau peralatan yang dihubungkan dengannya.

Peranti USB Killer ini dibangunkan dengan cara melakukannya sendiri langkah demi langkah oleh seorang peminat perkakasan yang berasal daripada Rusia yang dikenali dengan nama samaran, Dark Purple.

Beliau memaparkan hasilnya ini, USB Killer dengan penerangan yang lengkap, gambar-gambar dan perincian teknikal di dalam sebuah laman web blog berbahasa Rusia. Beberapa minggu selepas itu, maklumat ini diposkan ke dalam satu laman web lain yang berbahasa Inggeris.

Peranti USB Killer ini akan menggunakan pembalikan penukar arus terus ke arus terus atau DC-to-DC untuk dapatkan kuasa elektrik dari port USB pada komputer. Seterusnya, ia akan mengecas bank kapasitor sehingga 110 Volt. Kemudian, kuasa elektrik itu dihantar semula ke antara muka USB menerusi transistor dan proses ini akan berulang-ulang secara gelung.

Gabungan voltan dan arus elektrik yang tinggi kedua-duanya mencukupi untuk merosakkan diod pada sambungan bas bagi sebuah televisyen kecil. Seterusnya, berupaya merosakkan komponen elektronik yang lain termasuk pemprosesan utama atau CPU.

Menurut kajian pakar, kebanyakan komputer moden hari ini mengintegrasikan pemprosesan utama dengan sambungan USB yang mana menjayakan lagi jenis serangan ini.

Pencipta USB Killer, Dark Purple mendakwa bekerja untuk syarikat yang mengeluarkan peralatan elektronik dan dia

## Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com



**Peranti USB Killer ini akan menggunakan pembalikan penukar arus terus ke arus terus atau DC-to-DC untuk dapatkan kuasa elektrik dari port USB pada komputer.**

mendapatkan papan litar yang boleh diubah suai dan komponen-komponen lain untuk projek ini dari negara China.

Walau bagaimanapun, peralatan USB Killer dituntut dibina untuk menguji komponen elektronik untuk berlindung daripada renjatan kuasa elektrik yang tinggi atau melampau. Namun begitu, disebabkan tidak mendapat sambutan, ia dijadikan alat utama untuk serangan digital yang dikenali sebagai serangan USB Surge. Pihak Apple adalah antara pengeluar komputer yang melindungi komputer keluarannya daripada serangan USB Surge ini.

Penyelidik keselamatan siber telah lama memberi amaran mengenai risiko keselamatan memasukkan pemacu USB orang lain ke dalam komputer termasuk oleh orang-orang yang dikenali dan dipercayai.

